

07 AUG 2002

EKONOMI-RAZALI

SYARIKAT UTAMA M'SIA DISARAN KEMBANG AKTIVITI KE CHINA

KUALA LUMPUR, 7 Ogos (Bernama) -- Syarikat-syarikat utama Malaysia yang mempunyai rekod prestasi cemerlang disaran mengembangkan aktiviti mereka ke dalam industri baru di China berikutan pengaliran masuk banyak syarikat multinasional (MNC) di sana, kata Tan Sri Razali Ismail, wakil khas Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) ke Myanmar dan penasihat khas kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau berkata ketika China menuju kepada sebuah negara perindustrian dan moden terdapat banyak kerja-kerja prasarana dan industri yang perlu dilaksanakan seperti sistem pembentungan, penyelenggaraan air dan teknologi maklumat di mana syarikat-syarikat utama Malaysia boleh meraih peluang dalam bahagian tersebut.

"Jika syarikat lain boleh melakukannya mengapa tidak kita?," katanya.

Dengan peluang dan cabaran yang tersedia, syarikat-syarikat Malaysia juga boleh melakukannya di China, katanya kepada pemberita selepas menyampaikan uap terna di seminar mengenai "Paradigma Perniagaan Baru", di sini.

Razali berkata terdapat potensi dalam ekonomi China dengan syarat syarikat-syarikat Malaysia perlu cekap, mempunyai kuasa yang mapan, penyelidikan dan pembangunan (R&D) serta perkongsian perniagaan yang sesuai.

Kemasukan China ke dalam Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO), katanya, akan membawa kepada perdagangan yang lebih besar serta deregulasi kewangan dan pelaburan.

Dengan kata lain, liberalisasi ekonominya dan proses yang melibatkan pembukaan sektor perkhidmatan, pembuatan, kewangan dan pertanian China kepada pelaburan asing.

Razali berkata liberalisasi sektor perkhidmatan akan membolehkan pelabur-pelabur asing melabur di bahagian seperti pengedaran, pemborongan dan runcitan serta perkhidmatan berkaitan seperti pergudangan, pembungkusan dan periklanan.

Industri sektor perkhidmatan lain yang akan dibuka termasuklah teknologi maklumat, telekomunikasi, pelancongan, perkhidmatan undang-undang dan runding cara pengurusan.

Bagi menggalakkan komitmen pelaburan jangka panjang oleh pelabur-pelabur asing dalam ekonomi China, Razali berkata kerajaan China telah melonggarkan sekatan bagi penyertaan asing dari segi bahagian ekuiti dalam sektor automobil, pembinaan, hotel dan perkhidmatan pengedaran.

Dengan mengambil contoh Laporan Pelaburan Dunia 2001, beliau berkata ia menunjukkan Hong Kong merupakan penerima pelaburan langsung asing (FDI) terbesar di Asia dan di kalangan negara membangun pada 2000.

Beliau berkata Hong Kong berjaya menarik AS\$64 bilion (RM243.2 bilion) atau 45 peratus daripada AS\$143 bilion (RM543.4 bilion) aliran masuk FDI di Asia atau empat kali aliran masuk ke ASEAN.

Sementara itu, China memperolehi AS\$41 bilion (RM155.8 bilion) atau 28.6 peratus daripada semua aliran masuk FDI ke Asia bagi 2000, katanya.

Dikumpulkan bersama-sama, kedua-dua Hong Kong dan China mampu meraih sejumlah 73.3 peratus daripada semua aliran FDI ke Asia pada tahun itu.

Razali berkata perancangan MNC untuk melabur di Tanah Besar juga menempatkan dana di Hong Kong dengan jangkaan kemasukan China ke WTO, dengan lebih separuh daripada FDI Hong Kong yang berjumlah AS\$63 bilion (RM239.4 bilion) mengalir ke China.

Ini menunjukkan bahawa Hong Kong memainkan peranan penting sebagai pusat kegiatan pendanaan bagi perniagaan di tanah besar China, katanya.

Razali berkata dalam satu kaji selidik oleh Jabatan Banci dan Perangkaan Hong Kong-China pada 2001 menunjukkan 45 peratus daripada 3,000 MNC asing yang dikaji selidik menunjukkan mereka merancang untuk meningkatkan pelaburan di China.

Sebanyak 93 peratus lagi beranggapan suasana pelaburan di China akan positif dalam tempoh lima tahun akan datang, katanya.

Razali juga berkata China yang menjadi tuan rumah bagi Sukan Olimpik 2008 di Beijing akan merangsangkan industri seperti pelancongan dan pembinaan. -- BERNAMA

DC SHY ZK